

UUM dinasihati bayar cukai tanah dengan segera Kosmo 9/5/2011 3:1.

KUALA LUMPUR – Kementerian Pengajian Tinggi menasihatkan Universiti Utara Malaysia (UUM) supaya menjelaskan cukai tanah tahunan berjumlah RM1.7 juta kepada kerajaan negeri Kedah dengan segera.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Khaled Nordin berkata, langkah tersebut penting bagi membolehkan universiti itu memberi tumpuan kepada hal ehwal akademik yang jauh lebih penting

Yuran pengajian UUM kekal walaupun tanpa rebat cukai

KERATAN Kosmo! semalam.

daripada masalah cukai.

“Jika kerajaan negeri masih enggan memberikan rebat cukai tanah berkenaan, UUM terpaksa

akur dan perlu melunaskan bayaran seperti yang diminta.

“Saya nasihatkan UUM supaya bayar sahaja cukai berkenaan su-

paya ia tidak menjadi isu yang lebih besar dan rumit,” katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Sementara itu, Naib Canselor UUM, Datuk Mohamed Mustafa Ishak menjelaskan, pihaknya masih mampu menampung pembayaran rebat yang diminta itu menerusi sumber kewangan sendiri.

“Kita akan bayar cukai berkecuan supaya kita dapat menumpukan kepada usaha untuk meningkatkan prestasi akademik,”

katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Akhbar sebelum ini melaporkan kerajaan negeri menolak rayuan UUM menyambung pemberian rebat cukai tanah kampus itu di Sintok atas alasan ia masih rendah berbanding cukai tanah universiti di negeri lain.

Berikutan itu, UUM terpaksa membayar cukai tanah tersebut berjumlah RM1.7 juta setahun berbanding RM150,000 sebelum ini.